

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : Ust. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]
TARIKH : 18 November 2014
SOALAN : Ust. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap penggunaan pukot tunda.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Pukat tunda merupakan salah satu alat tangkapan utama yang digunakan oleh nelayan komersil yang beroperasi di Zon B dan C. Pada tahun 2013, terdapat 6,074 buah vesel pukat tunda berlesen yang memberi peluang pekerjaan kepada seramai 28,108 orang nelayan. Pendaratan ikan marin dari pukat tunda pada tahun 2013 adalah sebanyak 44.4% iaitu 659,308 tan metrik dari keseluruhan pendaratan ikan Negara. Namun begitu, bagi meminimumkan kesan penggunaan pukat tunda kepada sumber perikanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan telah mengambil pendirian berikut:

1. Menguatkuasa syarat baru penggunaan Pukat Tunda (termasuk Pukat Buaya/pukat boya) mulai 1 November 2013 seperti berikut:-

- i) mewajibkan saiz mata pukat tunda di bahagian sayap pukat tidak melebihi 5 meter (195 inci);
- ii) saiz mata keroncong pukat tunda tidak kurang daripada 38 milimeter;
- iii) penguatkuasaan dilaksanakan ke atas semua vesel Pukat Tunda Zon B di Semenanjung Malaysia.

Penguatkuasaan syarat-syarat tersebut telah dimaklumkan kepada semua Pejabat Perikanan Negeri melalui pekeliling Penguatkuasaan Pelaksanaan Dasar Baru Pelesenan Berkaitan Syarat Baru Bagi Pukat Tunda bertarikh 16 Julai 2013. Kegagalan pemilik vesel mematuhi syarat ini boleh menyebabkan lesen vesel dan peralatan tersebut digantung atau dibatalkan selaras dengan Akta Perikanan 1985.

2. Penstrukturan semula pengoperasian pukat tunda akan dilaksanakan dengan melaksanakan penstrukturan semula pengoperasian pukat tunda:-

- i) menghadkan kawasan tangkapan dan beroperasi lebih jauh melalui pengezonan semula kawasan penangkapan ikan;
- ii) Mengenakan denda yang lebih berat terhadap pencerobohan kawasan pantai terutama di kawasan kurang 8 batu nautika;

- iii) Program 'Exit Plan' diteruskan bagi mereka yang ingin keluar dari industri penangkapan ikan yang menggunakan pukat tunda;
 - iv) menguatkuasakan pemasangan dan penggunaan alat pemantauan keselamatan dan pergerakan vesel pukat tunda yang dikenali sebagai *Automatic Identification System (AIS)*.
3. Penggunaan peralatan yang boleh mengurangkan tangkapan ikan baja diwajibkan seperti *Juvenile and Trash Fish Excluder Device (JTED)* dan *Malaysian Acetes Efficiency Device (MAED)*.